


1223/1
Pendidikan
Islam
Kertas 1
26 Ogos (Isnin)
2019
2 jam



SEKOLAH MENENGAH TEKNIK MELAKA
BUKIT PIATU 75150 MELAKA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5 2019
PENDIDIKAN ISLAM
Kertas 1
Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
2. **Bahagian A** mengandungi 40 soalan objektif yang diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C dan D** serta soalan mengisi tempat kosong. Jawab **semua** soalan pada kertas jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
3. **Bahagian B** mengandungi empat soalan subjektif. **Soalan 1 dan Soalan 2 wajib** dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan berikutnya. Kesemua **tiga** soalan wajib dijawab. Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.
4. *Isikan jawapan **Bahagian A** dalam kertas jawapan yang disediakan dan ikatkan dibahagian hadapan bersama-sama dengan kertas jawapan **Bahagian B.***

Disediakan oleh,

.....
Musa Abu Hassan
GKMP Kemanusiaan

Disemak oleh,

.....
Nik Salida Harlina
Ketua Panitia PAI

Disahkan oleh,

.....
Hj. Abd. Razak Dawam
GPK Pentadbiran

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

**BAHAGIAN A
(40 MARKAH)**

Jawab semua soalan

Soalan 1 hingga soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. **Hitamkan** jawapan yang tepat pada ruangan jawapan yang disediakan.

- 1 Antara berikut yang manakah perbuatan syirik khafi?
- A Menunjuk-nunjuk kehebatan diri
 - B Meminta hajat daripada kubur keramat
 - C Mengaku Nabi Isa a.s sebagai anak tuhan
 - D Memakai tangkal azimat untuk melindungi diri

Ahmad sering mempertikaikan dan menolak hukum-hukum yang terdapat di dalam al-Quran.

- 2 Perbuatan tersebut boleh menyebabkan
- A kufur
 - B syirik
 - C munafik
 - D khurafat

Encik Ismail telah membuat pinjaman di salah sebuah bank dan dikenakan bayaran tambahan sekiranya menangguhkan tempoh bayaran.

- 3 Pernyataan di atas merujuk kepada
- A judi
 - B gharar
 - C riba al-fadhlu
 - D riba al-nasiah

- 4 Berikut ialah hikmah pengharaman minum arak **kecuali**
- A menjaga kewarasan akal manusia
 - B mengekalkan kesihatan mental dan fizikal
 - C mengelakkan mendapat penyakit berbahaya
 - D membendung jenayah seperti mencuri dan merompak
- 5 Berikut menerangkan tentang ciri-ciri fasik **kecuali**
- A sering mencuri
 - B minum arak dan menagih dadah
 - C menyekutukan Allah SWT dengan sesuatu
 - D selalu meninggalkan solat dengan sengaja
- 6 Hikmah ibadat haji terhadap masyarakat ialah
- A menambah pendapatan
 - B membentuk akhlak mulia
 - C menghapuskan dosa besar
 - D berkenalan sesama umat Islam
- 7 Antara perkara makruh semasa sembelihan ialah
- A tidak membaca basmalah
 - B menyembelih binatang yang kurus
 - C sembelihan dilakukan dengan alat elektrik
 - D melakukan sembelihan binatang yang cacat
- 8 Keutamaan memilih pasangan menurut Islam ialah
- A cantik
 - B solehah
 - C berharta
 - D berketurunan
- 9 Manakah antara berikut institusi yang bertanggungjawab menyelesaikan tuntutan khuluk oleh isteri?
- A Mahkamah Sivil
 - B Mahkamah Syariah
 - C Jabatan kebajikan Masyarakat
 - D Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

- 10 Di antara perkara-perkara yang membatalkan syarikat ialah
- I salah seorang rakan kongsi sakit tenat
 - II hilang kelayakan seperti gila yang berterusan
 - III syarikat dibatalkan oleh salah seorang rakan kongsi
 - IV salah seorang rakan kongsi berhijrah ke luar negara
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
- 11 Pendidikan Moral yang perlu diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anaknya ialah
- A memaksa anak-anak berakhlak mulia
 - B menanamkan prinsip akhlak dalam diri anak-anak
 - C menjelaskan kepentingan akhlak kepada anak-anak
 - D menunjukkan contoh akhlak mulia kepada anak-anak
- 12 Antara yang berikut yang manakah bukti menunjukkan Imam Malik Rahimahullah sangat menghormati hadis Rasulullah SAW?
- A Memberi fatwa berdasarkan hadis
 - B Mengajar hadis di Masjid Nabawi sahaja
 - C Menghadihkan al-fatihah kepada perawi hadis
 - D Mandi dan memakai bau-bauan sebelum mengajar hadis
- | | |
|---|------------------------------------|
| A | Bapanya bernama Anas |
| B | Lahir di Madinah |
| C | Terkenal sebagai tokoh falsafah |
| D | Mengarang kitab <i>al-Muwatta`</i> |
- 13 Berdasarkan jadual di atas, pernyataan yang manakah **tidak benar** mengenai Imam Malik rahimahullah?
- 14 Menjaga pesakit daripada aspek rohani ialah
- A memberi kerehatan yang secukupnya
 - B membantu pesakit mengambil wuduk
 - C bertanya tentang keinginan dan keperluannya
 - D tunjukkan muka yang manis dan tutur kata yang lembut

- Beliau dilahirkan pada tahun 164 H/780 M di Baghdad
- Melakukan solat 300 rakaat dan membaca 1/7 al-Quran setiap hari.

15 Tokoh di atas ialah

- A Imam Malik
- B Imam Syafie
- C Imam Abu Hanifah
- D Imam Ahmad bin Hanbal

16 Gelaran al-Syafie kepada Muhammad bin Idris rahimahullah adalah sempena nama

- A anaknya
- B datuknya
- C tempat kelahirannya
- D gurunya yang masyhur

Menganalisis sesuatu tamadun dari segi permulaan, faktor kegemilangan dan faktor kejatuhan.

17 Berdasarkan pernyataan di atas, ketokohan Ibnu Khaldun merujuk beliau sebagai

- A sejarawan
- B negarawan
- C budayawan
- D cendekiawan

18 Antara yang berikut yang manakah kepentingan menguasai bidang ilmu sains dan teknologi kepada umat Islam hari ini?

- I Dapat meneroka angkasa lepas
- II Mengubah cara hidup dan status umat Islam
- III Untuk menandingi sains dan teknologi barat
- IV Untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam dahulu


- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- 19 Berikut adalah pencemaran alam yang berlaku disebabkan oleh kecuaiian manusia
- A pembuangan sisa toksid
 - B kemarau panjang
 - C hakisan ombak
 - D banjir besar
- 20 Berikut adalah adab rakyat terhadap pemimpin **kecuai**
- A mentaati pemimpin selagi tidak bertentangan dengan syarak
 - B membantu pemimpin selagi tidak ke arah maksiat
 - C menasihati pemimpin dengan cara yang baik
 - D memberi sokongan padu apabila perlu

Soalan 21 hingga soalan 40

Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

Soalan 21 dan Soalan 22 berdasarkan carta di bawah. Lengkapkan tempat kosong dengan jawapan yang betul.




- 21 V dalam rajah di atas ialah _____.
- 22 W dalam rajah di atas ialah _____.
- 23 Orang munafik sering bercakap bohong, _____ dan mengkhianati amanah.
- 24 Perkahwinan pasangan suami isteri akan _____ apabila salah seorang daripadanya murtad.

Soalan 25 hingga Soalan 27

Tulis jenis tawaf yang betul dalam ruangan jawapan yang disediakan.

Pernyataan	Tawaf
Wajib dilakukan bagi mereka yang ingin meninggalkan kota mekah	25. _____
Sunat dikerjakan bagi mereka yang baru sampai ke Mekah	26. _____
Tawaf rukun yang wajib ditunaikan oleh mereka yang menunaikan haji	27. _____

Soalan 28 dan Soalan 29 berdasarkan Rajah di bawah


28 X dalam rajah di atas ialah _____

29 Y dalam rajah di atas ialah _____

30 Kepetahan Imam al-Ghazali mempertahankan Islam menyebabkan beliau digelar _____.

31 Khalifah _____ telah memerintahkan supaya di reka peralatan khusus untuk membantu penyelidikan dalam bidang astronomi.

32 Tentera Mongol yang dipimpin oleh _____ telah menakluki kota Baghdad yang membawa kepada kejatuhan kerajaan Bani Abbasiah.



33 Z dalam rajah di atas ialah _____.

Soalan 34 hingga Soalan 36

Pilih jawapan yang sesuai berdasarkan pernyataan di bawah. Tulis jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.

NASAB	MUJBIR	HAKIM
-------	--------	-------

Pernyataan	Wali
Berhak mengahwinkan pengantin perempuan yang masih gadis tanpa persetujuannya terlebih dahulu.	34. _____
Mereka yang diberi kuasa oleh pemerintah untuk mengahwinkan perempuan ketika ketiadaan wali	35. _____
Wali selain bapa dan datuk	36. _____

- 37 Hasil karya pemikiran Ibnu Khaldun yang menjadi rujukan para sejarawan sehingga ke hari ini ialah _____.
- 38 Umat Islam yang tidak mengamalkan sunnah Rasulullah SAW tidak akan mendapat _____ baginda di akhirat.
- 39 Menziarahi jenazah boleh memberi _____ bahawa kematian adalah sebahagian daripada qada Allah SWT yang perlu diterima oleh semua makhluk-Nya.
- 40 Lafaz zikir yang hendak dialunkan mestilah berdasarkan nas-nas al-Quran dan _____.

BAHAGIAN B

(60 markah)

Jawab tiga soalan

Soalan 1, Soalan 2 mesti dijawab dan pilih mana-mana **satu** soalan daripada **Soalan 3** atau **Soalan 4**.

- 1 (a) Antara perkara yang membatalkan iman ialah sihir.
- (i) Nyatakan maksud sihir. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** akibat perbuatan sihir? [4 markah]
- Ahmad menggunakan minyak dagu sebagai alat untuk memikat Fatimah.
- (iii) Merujuk kepada pernyataan diatas, huraikan tindakan Ahmad mengikut pandangan Islam. [4 markah]
- (b) Mazhab Ahli Sunnah Wal Jamaah adalah jalan yang mengikut jejak langkah Rasulullah SAW dan para sahabat baginda.
- (i) Nyatakan nama lain bagi Ahli Sunnah Wal Jamaah selain *al-Salafu al-Soleh*. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** pegangan golongan khawarij yang bertentangan dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** langkah yang boleh anda ambil bagi memelihara akidah supaya tidak terpesong daripada akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah. [4 markah]

- 2 (a) (i) Senaraikan **dua** binatang *al-an'am* yang boleh dibuat akikah selain kambing. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** perbezaan korban dan aqiqah. [4 markah]
- (iii) Terangkan **dua** hikmah amalan aqiqah kepada ibu bapa. [4 markah]
- (b) (i) Senaraikan **dua** sumber modal saham yang diperlukan oleh sesebuah syarikat? [2 markah]
- (ii) Jelaskan hikmah diharuskan saham? [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan pengertian zihar. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan zihar terhadap suami. [4 markah]
- 3 (a) (i) Senaraikan **dua** khalifah daripada kerajaan Khulafa' al-Rasyidin. [2markah]
- (ii) Jelaskan **dua** dasar pentadbiran khalifah dalam sistem pentadbiran Khulafa'al-Rasyidin? [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** sifat peribadi Sayyid Jamaluddin Al-Afghani. [2 markah]
- (ii) Jelaskan bentuk islah yang dibawa oleh Sayyid Jamaluddin Al-Afghani. [2 markah]
- (c) Jihad yang paling utama adalah berperang dijalan Allah SWT.
- (i) Nyatakan maksud jihad? [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** cara anda berjihad membaiki diri. [4 markah]
- (iii) Terdapat segelintir umat Islam hari ini telah terlibat dengan gerakan militan yang mendakwa diri mereka berjihad di jalan Allah SWT sehingga sanggup memusnahkan tempat awam. Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya penglibatan umat Islam dalam gerakan militan seperti ini tidak dibendung? Huraikan hujah anda. [4 markah]

- 4 (a) (i) Jelaskan **dua** faktor yang mendorong perkembangan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** kesan penemuan sains dan teknologi pada zaman Abbasiyah. [4 markah]
- (b) (i) Nyatakan **dua** hasil karya Imam Bukhari. [2 markah]
- (ii) Jelaskan kegigihan Imam Bukhari dalam mengumpul hadis. [2 markah]
- (c) (i) Nyatakan pengertian sedekah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kelebihan memberi hadiah dan sedekah. [4 markah]

Firman Allah SWT:

قُلْ إِنَّ رَبِّي يَبْسُطُ الرِّزْقَ لِمَن يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ وَيَقْدِرُ لَهُ وَمَا أَنْفَقْتُمْ مِنْ شَيْءٍ فَهُوَ يُخْلِفُهُ وَهُوَ خَيْرُ الرَّازِقِينَ

Surah Saba' : ayat 39

Maksudnya : 'Katakanlah wahai Muhammad, sesungguhnya Tuhan kamu memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki dan Dia juga yang menyempitkannya. Apa yang kamu belanjakan pada jalan Allah, akan Allah gantikan semula kerana Dialah sebaik-baik pemberi rezeki '

- (iii) Merujuk kepada ayat di atas, mengapakah masih terdapat umat Islam yang tidak bersedekah. Huraikan. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



**SEKOLAH MENENGAH TEKNIK MELAKA
BUKIT PIATU 75150 MELAKA**

NAMA :

TING :

- | | | | | | | |
|-----|---|---|---|---|-----|-------|
| 1. | A | B | C | D | 21. | _____ |
| 2. | A | B | C | D | 22. | _____ |
| 3. | A | B | C | D | 23. | _____ |
| 4. | A | B | C | D | 24. | _____ |
| 5. | A | B | C | D | 25. | _____ |
| 6. | A | B | C | D | 26. | _____ |
| 7. | A | B | C | D | 27. | _____ |
| 8. | A | B | C | D | 28. | _____ |
| 9. | A | B | C | D | 29. | _____ |
| 10. | A | B | C | D | 30. | _____ |
| 11. | A | B | C | D | 31. | _____ |
| 12. | A | B | C | D | 32. | _____ |
| 13. | A | B | C | D | 33. | _____ |
| 14. | A | B | C | D | 34. | _____ |
| 15. | A | B | C | D | 35. | _____ |
| 16. | A | B | C | D | 36. | _____ |
| 17. | A | B | C | D | 37. | _____ |
| 18. | A | B | C | D | 38. | _____ |
| 19. | A | B | C | D | 39. | _____ |
| 20. | A | B | C | D | 40. | _____ |

